

04/07/2002

Kabinet bincang guna bahasa Inggeris 16 Julai

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet akan mengadakan mesyuarat khas pada 16 Julai ini bagi membincangkan cadangan penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu akan memutuskan kaedah pengajaran dan pelaksanaannya.

"Saya akan membuat pengumuman (mengenai keputusan Kabinet) selepas itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan Musa berkata, laporan muktamad mengenai cadangan penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran subjek Sains dan Matematik masih belum siap.

Pada 10 Mei lalu, Dr Mahathir mengumumkan Majlis Tertinggi (MT) Umno menolak cadangan supaya diwujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris kerana tindakan itu tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sebaliknya, bahasa itu akan diperluaskan di sekolah menerusi penggunaannya dalam pengajaran Sains dan Matematik mulai Tahun Satu selain memperkenalkan subjek kesusasteraan Inggeris kontemporari.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu dibuat kerana kerajaan menyedari kepentingan penguasaan ilmu dalam bahasa Inggeris di kalangan rakyat tempatan, khususnya Bumiputera kerana ia adalah bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas.

Berikutan keputusan itu, Kementerian Pendidikan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas profesional yang dipengerusikan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat untuk mengkaji cadangan itu.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, minggu lalu dilaporkan berkata peperiksaan awam untuk kedua-dua subjek itu juga akan dibuat dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan, kecuali peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.